

19 OCT 2001

BELANJAWAN-PERTANIAN

SEMUA TANAH SUBUR MESTI DIGUNA UNTUK TANAMAN, PENTERNAKAN

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara ini dikurniakan dengan tanah subur yang boleh digunakan untuk tujuan penanaman dan penternakan.

Bagaimanapun, pertumbuhan sektor pertanian telah tertumpu hanya kepada pengeluaran beberapa komoditi seperti getah dan kelapa sawit, katanya ketika membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Komoditi-komoditi ini tertakluk kepada turun naik harga, oleh itu memberi kesan kepada pendapatan para pekebun kecil dan pihak-pihak lain.

"Kita juga bergantung kepada import makanan yang melebihi RM11 bilion tahun lepas. Oleh itu, adalah penting untuk mempelbagaikan sektor pertanian bagi mengeluarkan produk nilai ditokok yang lebih tinggi," katanya.

Mahathir juga memaklumkan bahawa kini, projek pertanian yang telah diluluskan layak untuk elaun 100 peratus ke atas perbelanjaan modal di mana perbelanjaan dibenarkan daripada pendapatan agregat.

Insentif ini diberikan untuk penternakan udang, florikultur dan penanaman buah dan sayuran yang dibenarkan dan pertanian herba, penternakan ikan termasuk ikan perhiasan, kerang dan tiram.

Selain itu, penternakan ayam itik juga akan terus menjadi komponen utama sektor kecil penternakan.

"Bagi memastikan ayam itik mencukupi, saya mencadangkan supaya penternakan ayam dan itik di Koridor Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak diberikan status perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 85 peratus atau elaun cukai pelaburan sebanyak 80 peratus selama lima tahun.

Mahathir juga berkata oleh kerana Malaysia merupakan pengeluar getah, kayu dan minyak sawit, negara mesti menggalakkan lagi aktiviti hiliran berasaskan sumber seperti getah yang dipanaskan dengan belerang dan perabot yang berpotensi untuk menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi.

"Syarikat-syarikat yang melabur semula dalam pengeluaran, contohnya produk berasaskan sumber diberikan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70 peratus atau elaun cukai pelaburan sebanyak 60 peratus selama lima tahun," tambahnya. -- BERNAMA

FAY SEL JR